

AKHBAR : THESUN DAILY

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NATIONAL

THE SUN DAILY · M513 NATIONALS
6/1/2025 (ISNIN)

Ministry acts on staff shortage, healthcare reform

PUTRAJAYA: The Health Ministry will prioritise addressing human resource challenges, including staff shortage and maldistribution this year, said its minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"This requires collaboration across government agencies, including the Finance Ministry and the Public Service Department.

"I am aware the public is counting on us to resolve this issue. *Insya-Allah*, we will do our best. We have a dedicated team working on this," he said during a press conference following the delivery of his New Year mandate to ministry staff.

He also outlined his vision for the ministry's workforce to implement national healthcare initiatives this year.

Under his leadership, the ministry will focus on executing a series of action plans that have been in development over the past two years.

One of the ministry's key priorities this year will be raising public awareness on the importance of disease prevention.

Dzulkefly also disclosed plans to transform the healthcare financing system and address rising medical costs by introducing diagnosis-related groups and clinical risk groups. – Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 5 DINERI 6/1/2025 (ISNIN)



KERAJAAN disaran mengambil langkah proaktif dengan melakukan pemantauan terhadap pelancong dari negara yang dilanda wabak hMPV bagi mengelak berulangnya pandemik Covid-19 pada 2020.

Waspada mutasi hMPV

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia perlu berwaspada dengan penyebaran virus metapneumovirus manusia (hMPV) yang dibimbangi sudah bermutasi dan boleh menyebabkan negara sekali lagi terperangkap dengan pandemik wabak.

Pakar Kesihatan Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, maklumat mengenai hMPV yang melanda China masih sedikit dan dibimbangi virus tersebut bermutasi.

Katanya, jika hMPV sudah bermutasi dibimbangi ia akan mendatangkan kesan seperti virus Covid-19 yang melanda du-

“

Sekarang ini kita tidak tahu dan takut sekiranya hMPV bertindak lebih bahaya seperti Covid-19.”

DR. SHARIFA EZAT WAN PUTEH
nia pada 2019.

Jelasnya, virus senang bermutasi dan setakat ini tidak ada rawatan khas atau vaksin untuk hMPV.

“hMPV sebelum ini boleh dianggap sebagai virus yang

ringan, maknanya ia tidak menjadi punca kematian tetapi hanya menyebabkan batuk dan selsema kepada individu terjangkit.

“Sekarang ini kita tidak tahu dan takut sekiranya hMPV bertindak lebih bahaya seperti Covid-19. Dua virus itu juga mempunyai cara merebak yang sama iaitu melalui pernafasan dan sentuhan,” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan memaklumkan, sebanyak 327 kes positif virus hMPV dikesan berada di negara ini sepanjang tahun lalu berbanding 225 kes yang dicatatkan pada tahun 2023.

Malah, Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad mengesahkan tiada kes positif

terbaru direkodkan di Malaysia berkaitan virus hMPV.

Mengulas lanjut, Dr. Sharifa berkata, kerajaan perlu memastikan pemantauan terhadap hMPV ditingkatkan bagi mengelak sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

“Mungkin ada pelancong dari China atau rakyat Malaysia sendiri yang baru pulang dari negara tersebut membawa hMPV. Jadi kerajaan kena lakukan pemantauan.

“Seperti semasa kita dilanda wabak Covid-19, jika didapati mempunyai gejala-gejala yang sama seperti hMPV, elakkan bercampur dengan orang ramai dan memakai pelitup muka apabila berada di tempat awam,” jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 11 NASIONAL 6/1/2025 (ISNIN)

Promosi makanan rendah garam

Pakar saran
sedia panduan
praktikal kempen
'perang' garam

Oleh NURUL
HIDAYAH HAMID
SHAH ALAM

Kempen 'perang' garam yang bakal dilancarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu menyediakan panduan praktikal kepada rakyat seperti promosi makanan rendah garam di restoran dan kedai makan selain menyebarkan kesedaran.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Dr Sefiya Amaran berkata, inisiatif ini amat wajar dilaksanakan segera memandangkan masalah ini semakin membebani sistem kesihatan negara.

Beliau berkata, statistik daripada Global Burden of Disease Study (GBD 2017) turut mengesahkan bahawa diet tinggi natrium adalah salah satu faktor risiko utama penyakit kardiovaskular di seluruh dunia termasuk Malaysia.

"Sehubungan itu, pengurangan garam merupakan langkah penting ke arah mencapai matlamat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mengurangkan kematian akibat penyakit tidak berjangkit (NCD) sebanyak 25 peratus menjelang 2025.

"Bagaimanapun, kejayaan kempen ini bergantung kepada pendekatannya yang menyeluruh dan konsisten," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, KKM dilaporkan bersedia melancarkan kempen 'perang' terhadap garam yang bertujuan mengurangkan pengambilan bahan itu dalam kalangan rakyat Malaysia.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pengurangan pengambilan garam penting kerana ia dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada pelbagai pe-

nyakit kronik yang membawa kepada kematian pramatang di negara ini.

Safiya menambah, keberkesaan kempen ini boleh dipantau melalui data pengurangan prevalensi penyakit kronik yang berkaitan dengan garam.

Kongsi beliau lagi, pengambilan garam yang berlebihan merupakan satu isu kesihatan yang semakin membimbangkan di Malaysia.

Menurutnya, Malaysian Community Salt Survey (MyCoSS) 2019 menunjukkan rakyat Malaysia mengambil purata 7.9 gram garam sehari iaitu hampir dua kali ganda daripada saranan kurang lima gram sehari disyorkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023 melaporkan prevalensi hipertensi dalam kalangan orang dewasa di negara ini adalah sekitar 29.2 peratus dengan sebahagian besar kes adalah 11.9 peratus tidak disedari.

"Hipertensi sering dikaitkan dengan pengambilan garam berlebihan menjadi salah satu punca utama komplikasi kesihatan seperti penyakit jantung koronari dan strok," kata beliau.

Tambahnya lagi, kesan pengambilan garam yang berlebihan bukan sahaja terbatas kepada hipertensi, malah ia juga memberi kesan kepada buah pinggang, meningkatkan risiko kegagalan buah pinggang kronik.

"Pengambilan garam yang tinggi juga boleh menyebabkan kehilangan kalsium dari tulang, yang menyumbang kepada osteoporosis," katanya.

Sehubungan itu, Safiya berkata, salah satu pendekatan boleh dilaksanakan untuk menangani masalah ini ialah memperkenalkan

pelabelan makanan yang lebih jelas dan berinformasi.

Beliau berkata, produk dengan kandungan garam tinggi wajar diberi amaran khas pada bungkusnya untuk meningkatkan kesedaran pengguna.

"Kempen kesedaran awam perlu dijalankan secara berterusan dan menyeluruh.

"Kempen melalui media sosial, televisyen, dan platform komuniti seperti masjid, sekolah, dan tempat kerja boleh



SAFIYA

memberi impak besar," katanya.

Safya menyarankan, pendekatan itu bukan sahaja mendidik rakyat tentang bahaya garam tetapi juga menggalakkan perubahan gaya hidup.

"Pendidikan juga memainkan peranan penting terutama di peringkat sekolah. Modul pemakanan sihat yang menekankan kepentingan mengurangkan pengambilan garam boleh dimasukkan dalam

kurikulum," katanya.

Beliau berpendapat, secara keseluruhan, pelancaran kempen 'perang' terhadap garam oleh KKM adalah satu usaha yang amat dialu-alukan.

"Ia bukan sahaja boleh menyelamatkan nyawa, malah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan yang lebih sihat dan berkualiti," katanya.

Tambah beliau lagi, perubahan tabiat pemakanan ini memerlukan kerjasama semua pihak sama ada daripada kerajaan, industri makanan, hingga masyarakat umum untuk memastikan kejayaan jangka panjang.

Sinar

Selepas gula, KKM mahu 'perangi' garam pula

Laporan *Sinar Harian* pada Sabtu.